

14/10/1997

Perdana Menteri, Proton Saga pikat pengembara Jepun

Manzaidi Mohd Amin

"MALAYSIA sesuai dengan jiwa saya dan saya bercadang menetap di sini jika diizinkan," kata seorang pengembara Jepun, Kenichi Shibuta, 30, ketika ditemui di Kota Bharu, Kelantan, baru-baru ini.

Kenichi, penuntut jurusan ekonomi, Universiti Meiji Gakuin, Tokyo singgah di negara ini selama 10 hari sebagai melengkapkan rangka pengembaraannya berbasikal mengelilingi negara Asia, sebelum meneruskan destinasi ke Thailand, Kemboja, Myanmar dan Vietnam.

Ditanya apakah mendorong beliau singgah ke Malaysia, wakil jualan sebuah syarikat di daerah Otemachi, Tokyo itu dengan ringkas menjawab: "Kerana Dr Mahathir Mohamad dan Proton Saga."

Bagi Shibuta, Dr Mahathir begitu hebat dan lantang bersuara menegakkan keadilan dan kebenaran. Malah katanya, pemimpin tertinggi negara itu berjaya membangunkan Malaysia setanding negara maju.

"Dia (Dr Mahathir) cukup hebat. Saya kagum dan bangga kalau mempunyai pemimpin seperti itu," katanya.

Selepas Malaysia, Shibuta meneruskan pengembaraannya ke Bangkok, Thailand.

Di Malaysia, beliau berbasikal melalui Kota Tinggi, Johor Bharu pada 27 September dan meneruskan perjalanannya ke Dungun, Pahang dan Kuala Terengganu, sebelum tiba di Kota Bharu pada 5 Oktober lalu.

Dua hari bermalam di Kota Bharu, banyak adat dan budaya timur dipelajarinya, termasuk mengenali hati budi dan kesopanan rakyat Kelantan. Bagaimanapun, kerana masa tidak mengizinkan, anak muda dari negara Matahari Terbit itu terpaksa meneruskan pengembaraannya ke Golok, Thailand pada malam 7 Oktober.

Sebelum berlepas, Kenichi turut menyatakan rasa kagumnya dengan kebolehan Malaysia mengeluarkan kereta nasional Proton Saga yang dianggapnya sebagai kenderaan yang cantik dan hebat.

Dengan menggunakan basikal 'Mountain Bike', dia memulakan pengembaraannya dengan memilih New Zealand sebagai negara pertama, sebelum meneruskan perjalanan ke Kepulauan Fiji, Australia, Bali, Jakarta, Singapura dan Malaysia.

"Saya memulakan pengembaraan pada 27 Februari lalu bermula di New Zealand. Ia suatu perjalanan menyeronokkan. Banyak pengalaman dapat ditimba. Hari paling istimewa dalam hidup saya ialah apabila menyambut ulang tahun ke-30 tahun di Singapura pada 26 September lalu. Memang perancangan awal mahu sambut di Malaysia, tetapi berlaku sedikit masalah teknikal.

"Hanya 45 peratus aktiviti yang saya tetapkan dalam jadual dapat diikuti, selebihnya berjalan tanpa dirancang," katanya.

Kenichi berkata, dia gembira kerana sepanjang pengembaraannya tiada pengalaman pahit seperti kecederaan dan kecurian di semua destinasi yang pernah dilawatinya.

Dia sekali-kali tidak akan melupakan keramahan, kesopanan, kejujuran dan kebaikan rakyat Asia kerana banyak membantunya, terutama ketika memerlukan pertolongan untuk mengetahui destinasi yang hendak dituju.

"Semua jalan yang mereka tunjuk, betul belaka. Malah ada segelintir penduduk sesebuah kampung bersusah payah menjadi pemandu arah sehingga beberapa kilometer sebelum saya tahu arah itu.

"Semua ini tidak dapat saya lupakan. Tengoklah membukukan segala pengalaman pahit manis pengembaraannya, sebaik sahaja tiba di negaranya,

dijangka November ini," katanya.

Buku itu katanya, dapat ditatap oleh semua lapisan masyarakat Jepun, termasuk generasi akan datang.

Ditanya mengenai pembangunan di Jepun, beliau berkata dalam tempoh tiga tahun sahaja negaranya banyak mengalami perubahan besar dan beliau khawatir jika mengambil masa agak panjang untuk mengembara menyebabkannya ketinggalan.

"Saya bimbang tidak dapat mengikuti perkembangan terkini yang berlaku di Jepun, malah kalau ambil cuti panjang, kemungkinan saya akan dibuang kerja oleh majikan.

"Bila kena buang kerja, adalah susah untuk mendapat peluang pekerjaan baru," katanya yang mendapat kelulusan cuti selama setahun daripada majikannya.

Sepanjang pengembaraannya, Kenichi tidak menghadapi masalah kerana basikalnya dilengkapi peralatan canggih, termasuk mempunyai alat pengukur had laju.

(END)